

24/10/2000

Kumpulan Lion susun semula hutang

KUMPULAN Lion yang sedang menyempurnakan penyusunan semula hutangnya yakin proses itu tidak akan membabitkan tambahan pelupusan atau penilaian semula aset, kata pengerusinya Tan Sri William Cheng.

Katanya, cadangan penyusunan semula itu sedang dinilai Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan pihak berkuasa berkaitan. "Dengan sokongan penuh daripada semua kreditor, Kami yakin proses itu dilandaskan selesai untuk selesai menjelang hujung tahun ini."

Julai lalu, Kumpulan Lion mengumumkan proses penyusunan semula hutang membabitkan pelupusan aset bukan tunjang bernilai RM5.9 bilion. Kumpulan itu yang mempunyai hutang keseluruhan RM10 bilion adalah pemiutang kedua terbesar di Malaysia selepas Renong Bhd.

Cheng berkata dengan keadaan semasa sebahagian aset yang hendak dijual perlu dinilai semula. Tetapi jumlahnya tidak lebih lima peratus daripada anggaran nilai asal.

"Penilaian semula harga aset itu sudah amat patut, jadi kami tidak perlu melupuskan lagi aset tambahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian kilang keluli jalur panas Megasteel Sdn Bhd oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Banting, Selangor, semalam. Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Sehubungan itu, beliau menafikan Lion Corporation Bhd (LCB), ahli Kumpulan Lion akan melupuskan antara 10-20 peratus daripada 90 peratus kepentingannya dalam projek kilang besi keluli jalur panas itu.

Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), bahagian pelaburan kerajaan membeli baki 10 peratus kepentingan dalam projek itu tahun lalu pada harga RM138 juta.

Beberapa laporan sebelum ini menyebut Kumpulan Lion akan melupuskan sebahagian kepentingannya dalam Megasteel kepada pelabur asing selepas proses penyusunan semula hutangnya selesai hujung tahun ini.

Megasteel adalah kilang keluli pertama di Malaysia yang mengeluarkan jalur keluli panas. Pembangunan kilang itu yang bermula pada Januari 1997, diatas kawasan seluar 200 hektar membabitkan pelaburan RM2.5 bilion.

Kilang dengan keupayaan pengeluaran penuh 2.5 bilion tan metrik besi keluli jalur panas mula beroperasi pada Disember 1998.

Cheng berkata, syarikat yakin mencapai tahap pulang modal pelaburannya dalam tempoh tiga bulan lagi dengan perolehan dagangan RM3 bilion setahun.

"Kami menjangka mula beroperasi pada kadar keupayaan penuh menjelang pertengahan tahun depan. Bila keupayaan penuh dicapai, Megasteel akan menjana perolehan dagangan lebih RM3 bilion setahun," katanya.

Ditanya mengenai perlindungan tarif yang diberikan kerajaan kepada projek itu, Cheng berkata, ia perlu memandangkan pelaburan besar yang dibuat untuk membangunkan projek itu.

Katanya, hanya Singapura dan Taiwan yang tidak memberi perlindungan tarif sektor besi keluli kerana mereka tidak mempunyai industri sebegitu.

Cheng berkata, Megasteel tidak takut berhadapan dengan Kawasan Perdagangan Bebas Asean kerana kos buruh syarikat kurang satu peratus daripada kos pengeluaran, adalah yang terendah di rantau ini.

(END)